

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/02/2008

Abdullah lawan Subri di Kepala Batas

UM - 25/2/2008

KEPALA BATAS 24 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadapi calon Pas, Subri Md. Arshad dalam pertandingan satu lawan satu di kerusi Parlimen Kepala Batas pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Perdana Menteri tiba di pusat penamaan calon pada pukul 9.10 pagi bersama isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah. Kira-kira 3,000 penyokong BN menunggu di pusat penamaan calon di Dewan Millennium di sini.

Beliau menghantar borang pencalonan pada pukul 9.20 pagi sementara Subri pula menghantar borang tersebut 12 minit sebelum itu.

Hanya dua bantahan terhadap pencalonan itu diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) namun tiada penolakan dilakukan.

Pengumuman mengenai calon yang bertanding dilakukan oleh Pengurus Pilihan Raya Parlimen Kepala Batas, Mokhtar Mohd. Jait kira-kira pukul 12 tengah hari selepas tamat proses pencalonan dan bantahan.

Ketika proses pencalonan berlangsung, para penyokong BN dan Pas tidak henti-henti memberikan sokongan kepada calon mereka.

Terdahulu, Abdullah dan isteri yang berbaju sedondon berwarna biru menziarahi pusara ibunya, Allahyarham Datuk Kailan Hassan di sini sebelum berarak ke pusat penamaan calon pada pukul 8.30 pagi.



MESRA... Abdullah Ahmad Badawi dan calon Pas, Subri Arshad bertegur sapa selepas penamaan calon di Kepala Batas, semalam.

- Gambar SAZALI CHE DIN

Perarakan sejauh tiga kilometer itu dimulakan dengan bacaan doa dan nyanyian lagu BN.

Orang ramai mula berkumpul di hadapan kediaman Perdana Menteri di sini pada kira-kira pukul 7 pagi.